

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 1/12/2010

Menara Warisan Merdeka beri faedah jangka panjang

KUALA LUMPUR 30 Nov. – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pembinaan Menara Warisan Merdeka merupakan projek yang boleh memberi kesan jangka panjang kepada penjana ekonomi negara.

Malah beliau berkata, projek Permodalan Nasional Berhad (PNB) itu juga bakal mengubah landskap bandar raya Kuala Lumpur sejajar dengan visi menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020.

Bagaimanapun beliau menegaskan pelaksanaan projek tersebut tetap tertakluk kepada dua syarat penting yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu projek tersebut perlu berdaya maju.

“Kedua, projek berkenaan harus dipastikan mampu memberi sumbangan kepada penjana ekonomi negara secara besar-besaran dan sebagai contoh ia akan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan selain satu

pusat komersial yang baru.

“Justeru, PNB perlu membuat satu perkiraan bagi memastikan projek ini benar-benar berdaya maju. Sekiranya kedua-dua syarat ini dipenuhi, projek ini akan berjalan seperti mana dirancang,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pelaburan Menteri-Menteri ASEAN di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ba-

hawa pembinaan Menara Warisan Merdeka tidak perlu buat masa ini.

Ini kerana kata Dr. Mahathir, lebih hartanah di Lembah Klang hanya akan menyebabkan krisis khususnya dalam pembiayaan pinjaman dan lebih penawaran.

Najib dalam perkembangan sama menyifatkan projek pembinaan menara tersebut sebagai satu kesinambungan terhadap kejayaan pemerintahan era Dr. Mahathir.

UUM 1/12/2010